

**TITAH UCAPAN RAJA PUAN MUDA PERLIS
DYTM TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL,
MERANGKAP TUANKU PRO CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
SEMPENA SIDANG KEEMPAT, ISTIADAT KONVOKESYEN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) KALI KE-13 BERTEMPAT DI
DEWAN ILMU, UniMAP, PAUH PUTRA
PADA 28 OKTOBER 2018, JAM 2.45 PETANG**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

"Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju"

serta - *"Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP"*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dan anda semua diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima Ijazah masing-masing.

Setinggi tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, waris, penjaga dan seisi keluarga yang telah memberikan sepenuh dorongan dan perhatian kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Pendidikan tinggi mendidik kita untuk tidak hanya mempelajari apa yang tertulis di dalam buku. Sebaliknya graduan dituntut mengambil peduli tentang pelbagai perkara di sekeliling mereka.

Tokoh Sosiologi Islam, Ibnu Khaldun pernah berkata, “Sesebuah tamadun dapat disamakan dengan usia seorang manusia yang akan melalui tempoh kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas”. Demikianlah halnya dengan peradaban yang dapat dibahagikan kepada 4 kelompok iaitu Generasi Pengamal, Generasi Pengikut, Generasi Pemeliharaan Tradisi dan Generasi Pemusnah Tradisi.

Inilah sebenarnya yang disasarkan oleh pendidikan tinggi iaitu mengajar graduan untuk berfikir, mengawal pemikiran agar dapat membuat pilihan yang lebih bijak dalam menentukan hala tuju dan matlamat kehidupan di dunia ini.

Pemikiran kita akan memberi kesan kepada realiti kehidupan kita serta kemampuan memilih menjadi generasi membina kejayaan atau generasi pemusnah tradisi. Inilah jua pengakhiran yang akan menentukan lensa masa hadapan peradaban dunia.

Harus diingat bahawa graduan merupakan golongan yang diiktiraf tahap keintelektualannya dan haruslah memiliki keseimbangan di antara kecemerlangan intelek dan sahsiah diri termasuklah akhlak dan juga etika.

Dalam bidang kerjaya, akhlak dan etika inilah yang akan memainkan peranan penting dalam melahirkan kelompok profesional yang memiliki daya kemampuan yang telus terhadap amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Justeru, Saya menyeru para graduan agar dapat menilai dan memilih yang terbaik dalam memastikan generasi akan datang dapat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan seperti yang anda kecapai kini.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi serta seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan seluruh warga UniMAP serta semua pihak yang terlibat menjayakan Istiadat Konvokesyen kali ini.

Saya dan Tuanku Canselor berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan sekalian yang hadir ketika pulang ke destinasi asal masing-masing.

*Seri melati mekar di taman,
Harum baunya memberi ketenangan,
Aspirasi negara mencapai wawasan,
Di tangan graduan terletaknya harapan.*

*Mangga muda dibuat kerabu,
Dicampur pula santan kelapa,
Keringat si bapa kasih si ibu,
Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menangguhkan 'Sidang Keempat Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13 UniMAP, Tahun 2018'.

Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Terima kasih.